**TOPIK 7 : SEJARAH NEGARA KITA**

**OBJEKTIF :**

1. Mengenali perkembangan sejarah negara dari zaman Kesultanan Melayu Melaka, sejarah awal Sabah dan Sarawak, zaman penjajahan sehingga kepada kemerdekaan dan seterusnya penubuhan Malaysia.
2. Mengetahui dan menghargai jasa-jasa serta pengorbanan tokoh-tokoh di negara kita.
3. Mengetahui dan menghargai warisan sejarah negara kita.
4. Menanam sikap berusaha memelihara dan memulihara warisan sejarah yang terdapat di negara kita.
5. Memupuk perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia dengan mengenal dan menghayati warisan negara kita.

| TAJUK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **7. SEJARAH NEGARA KITA**<br><br>**7.1 Kesultanan Melayu Melaka**<br><br>**a. Pengasasan Melaka**<br><br>i. Kedatangan Parameswara<br><br>• Latar belakang Parameswara<br><br>ii. Asal usul nama Melaka<br><br>• Peristiwa pelanduk menendang anjing | **Aras 1**<br><br>1. Menceritakan peristiwa pembukaan Melaka.<br><br>2. Menerangkan Parameswara sebagai pengasas Melaka.<br><br>3. Menandakan dan melabelkan perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka. | | 1. Berdasarkan gambar bersiri atau gambar tunggal, bincangkan tentang kedatangan Parameswara ke Melaka.<br><br>2. Melukis peta perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka. |

| TAJUK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>1. Menjelaskan sebab-sebab Paramesw ara berhijrah dari Palembang ke Melaka.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Memberikan pendapat sebab-sebab yang mendorong Paramesw ara mengasaskan Melaka. | | 3. Berpandukan peristiw a 'pelanduk menentang anjing' lakonkan situasi yang membaw a kepada pembukaan Melaka.<br><br>4. Membuat law atan ke laman w eb muzium atau arkib untuk mendapatkan maklumat tentang pengasasan Melaka.<br><br>http://w w w .geocities.com/Tokyo/ Flats/3795/parames.htm |
| **b. Kegemilangan Melaka**<br><br>i. Pentadbiran<br><br>• Raja dan Orang Besar Empat iaitu Bendahara, Laksamana, Temenggung dan Penghulu Bendahari | **Aras 1**<br><br>1. Menjelaskan susun lapis masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. | Berbangga dengan kew ujudan struktur pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka.<br><br>Menyedari bahaw a struktur pentabiran negara kita berasaskan kerajaan Melayu Melaka. | 1. Membina dan membincangkan struktur pentadbiran pada zaman kesultanan Melayu Melaka. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| • Kuasa Raja dan tugas Bendahara, Laksamana, Temenggung dan Penghulu Bendahari<br><br>ii. Susun lapis masyarakat<br><br>• Golongan pemerintah terdiri daripada Sultan, kaum kerabatnya dan pembesar-pembesar seperti Bendahara, Laksamana, Temenggung dan Penghulu Bendahari<br><br>• Golongan rakyat terdiri daripada orang merdeka termasuklah pedagang dan buruh mahir<br><br>• Golongan hamba termasuklah orang yang gagal membayar hutang | 2. Menjelaskan bidang kuasa Raja dan bidang tugas Orang Besar Empat.<br><br>3. Menyenaraikan tokoh-tokoh dan jaw atannya pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.<br><br>4. Melukiskan dan melabelkan carta organisasi pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka.<br><br>5. Memadankan barangan dagangan di Melaka dengan negara asal barangan tersebut dibaw a. | Berbangga dengan sistem pentadbiran negara yang teratur. | 2. Membincangkan dan menjelaskan kuasa Raja serta pembesar-pembesarnya di dalam pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka.<br><br>3. Membandingkan struktur organisasi pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan struktur pentadbiran negeri anda sekarang.<br><br>4. Membina piramid susun lapis masyarakat pada zaman kesultanan Melayu Melaka.<br><br>5. Membandingkan dan membezakan golongan bangsaw an dan golongan rakyat biasa. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| iii. Peraturan dan undang-undang<br><br>• Pelaksanaan<br><br>iv. Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan<br><br>• Penggunaan Bahasa Melayu dalam urusan perdagangan, pentadbiran, komunikasi dakw ah dan ilmiah | **Aras 2**<br><br>1. Menyatakan sumbangan tokoh-tokoh pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.<br><br>2. Menyenaraikan peraturan dan undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.<br><br>3. Melakarkan dan menandakan peta laluan perdagangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.<br><br>4. Menyatakan peranan Bahasa Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. | Menyedari bahaw a kehidupan manusia perlu dikaw al oleh peraturan undang-undang.<br><br>Berbangga dengan Bahasa Melayu yang pernah menjadi bahasa perantaraan di Nusantara. | 6. Mencipta puisi bertemakan susun lapis masyarakat pada zaman Kerajaan Melayu Melaka<br><br>7. Bandingkan Hukum Kanun Melaka dengan Undang-Undang Laut Melaka.<br><br>8. Bincangkan kesan dan akibat sekiranya Kerajaan Melayu Melaka tidak mempunyai peraturan dan undang-undang.<br><br>9. Membincangkan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan di Melaka dan di Nusantara. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| v. Tokoh-tokoh<br>• Parameswara<br>• Sultan Muzaffar Shah<br>• Sultan Mansor Shah<br>• Sultan Alauddin Riayat Shah<br>• Sultan Mahmud Shah<br>• Tun Perak<br>• Hang Tuah<br>• Tun Fatimah<br><br>vi. Pusat perdagangan<br>• Lokasi<br>• Aktiviti perniagaan yang dijalankan | 5. Menceritakan pengislaman Sultan dan rakyat Melaka.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Menjelaskan Melaka sebagai pusat perkembangan agama Islam.<br><br>2. Menghuraikan aktiviti-aktiviti pedagang di Melaka.<br><br>3. Membandingkan dan membezakan struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka dengan pentadbiran negara masa kini. | Menghargai jasa-jasa pemimpin. | 10. Mengumpulkan keratan-keratan petikan bahasa Melayu Lama untuk dijadikan buku skrap.<br><br>11. Membina jadual tentang tokoh-tokoh pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan sumbangan mereka.<br><br>12. Membuat lawatan ke Muzium Negara atau Muzium Melaka untuk mendapatkan maklumat tentang tokoh dan sumbangan mereka pada kerajaan Melayu Melaka.<br><br>13. Membuat buku skrap bertemakan tokoh-tokoh pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.<br><br>14. Berdasarkan peta Asia yang disediakan, tandakan laluan perdagangan ke Melaka. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| vii. Pusat penyebaran Islam<br><br>• Pemerintah memeluk agama Islam<br><br>• Penerimaan agama Islam<br><br>• Aktiviti pedagang-pedagang Islam | | Berbangga dengan Melaka sebagai pusat penyebaran Agama Islam | 15. Membina jadual tentang barang dagangan dan negara asal.<br><br>16. Membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan Melaka menjadi pusat perdagangan.<br><br>17. Lakonkan situasi aktiviti perniagaan di pasar Melaka antara pedagang dan penduduk tempatan.<br><br>18. Melabelkan nama-nama negeri pada peta Asia Tenggara bagi menunjukkan penyebaran Agama Islam.<br><br>19. Bincangkan cara Agama Islam berkembang di Nusantara. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **7.2 Sejarah Awal Sabah**<br><br>**a. Asal usul nama Sabah** | **Aras 1**<br><br>1. Menyatakan asal usul nama Sabah.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Mengisahkan cerita-cerita lagenda tentang asal usul Sabah.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Membandingkan dan membezakan cerita-cerita lagenda tentang asal usul Sabah. | Berbangga dengan sejarah negara sendiri.<br><br>Menyedari bahawa penguasaan ketua-ketua tempatan adalah lebih baik daripada penjajahan. | 1. Menemu bual orang sumber tentang asal usul Sabah.<br><br>2. Menulis karangan tentang asal usul nama Sabah.<br><br>3. Membuat peta minda tentang pentadbiran di Sabah.<br><br>4. Membandingkan dan membezakan sistem pentadbiran kawasan Pantai Timur dan kawasan Pantai Barat. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **b. Pentadbiran Sabah**<br><br>i. Kawasan Pantai Timur<br>• Kawasan dibahagi kepada beberapa jajahan<br>• Jajahan ditadbir oleh pembesar Sulu dan dibantu oleh ketua-ketua tempatan<br>ii. Kawasan Pantai Barat<br>• Kawasan ini diperintah oleh wakil Sultan Brunei<br>• Kawasan dibahagi kepada beberapa jajahan<br>• Jajahan ditadbir oleh pembesar tempatan dan dibantu oleh Ketua Suku Kaum dan Ketua Petempatan Sungai | **Aras 1**<br><br>1. Menyenaraikan kawasan-kawasan pentadbiran di Sabah.<br>2. Menyatakan gelaran pembesar-pembesar tempatan.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Melakarkan peta dan melorekkan kawasan pentadbiran di Sabah.<br>2. Melakarkan peta Sabah dan jalan raya serta menandakan kawasan penguasaan Sulu, Brunei dan ketua-ketua tempatan. | Menyedari bahawa penguasaan ketua-ketua tempatan adalah lebih baik daripada penjajahan. | 1. Membuat peta minda tentang pentadbiran di Sabah.<br><br>2. Membandingkan dan membezakan sistem pentadbiran kawasan Pantai Timur dan kawasan Pantai Barat |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| iii. Kawasan pedalaman dan muara sungai<br><br>• Ditadbir oleh ketua-ketua yang terdiri daripada ketua rumah panjang | **Aras 3**<br><br>1. Menceritakan bagaimana Sulu dan Brunei menguasai dan mentadbir kawasan - kawasan yang mereka kuasai. | | |
| **c. Cara hidup**<br><br>i. Kawasan Pantai Timur<br><br>• Pekerjaan utama ialah memungut hasil hutan, mengutip mutiara dan menangkap ikan<br><br>• Kebanyakan suku kaum Bajau dan Suluk beragama Islam serta mengamalkan budaya bercirikan Islam | **Aras 1**<br><br>1. Menyenaraikan pekerjaan utama penduduk di kawasan Pantai Timur, Pantai Barat, pedalaman dan muara sungai.<br><br>2. Menerangkan kepercayaan dan adat resam masyarakat dalam sejarah awal Sabah. | Mengetahui sejarah negara kita.<br><br>Berbangga dengan kepelbagaian budaya dan adat resam. | 1. Mencari dan mencatat maklumat bagaimana cara hidup masyarakat di kawasan tersebut.<br><br>2. Membincang dan menyenaraikan barangan yang dihasilkan di kawasan tersebut. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| ii. Kawasan Pantai Barat<br><br>• Mengamalkan tanaman sara diri, menangkap ikan, memburu dan memungut hasil hutan<br><br>• Kebanyakan suku kaum Melayu dan Murut beragama Islam<br><br>• Masyarakat tempatan dipengaruhi adat resam Brunei<br><br>iii. Kawasan pedalaman dan muara sungai<br><br>• Menanam padi, bercucuk tanam, memungut hasil hutan, memburu dan mencari hasil laut | 3. Menyatakan hasil utama mengikut kawasan-kawasan pentadbiran.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Menerangkan pekerjaan, kepercayaaan dan adat resam dalam sejarah awal Sabah.<br><br>2. Menerangkan pengaruh adat resam Brunei terhadap masyarakat di kawasan Pantai Barat. | Berbangga dengan ciri-ciri budaya hidup tradisional yang positif. | 3. Membandingkan dan membezakan cara hidup suku kaum antara dua kawasan di Sabah.<br><br>4. Mendapatkan penerangan daripada orang sumber tentang cara hidup masyarakat di Sabah dahulu dan sekarang.<br><br>5. Membincangkan buruk dan baiknya tentang amalan hidup tradisional mengikut kepercayaan dan adat resam masyarakat di Sabah. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| • Kebanyakan masyarakat mengamalkan kepercayaan dan adat resam yang tersendiri dan berpegang kuat kepada peraturan dan adat | **Aras 3**<br><br>1. Membandingkan dan membezakan cara hidup masyarakat semasa penguasaan Sulu di Pantai Timur Sabah, penguasaan Brunei di Pantai Barat Sabah, dan kaw asan pedalaman dan muara sungai di baw ah ketua-ketua tempatan.<br><br>2. Membuat generalisasi cara hidup masyarakat tempatan di baw ah penguasaan Sulu, Brunei dan Ketua-Ketua Tempatan.<br><br>3. Menghubungkaitkan jenis pekerjaan dengan hasil pendapatan utama penduduk pedalaman dan muara sungai | | 6. Mendapatkan penerangan daripada orang sumber tentang cara hidup masyarakat di Sabah dahulu dan sekarang.<br><br>7. Membincangkan buruk dan baiknya tentang amalan hidup tradisional mengikut kepercayaan dan adat resam masyarakat di Sabah. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **7.3 Sejarah Awal Sarawak**<br><br>**a. Asal usul nama Sarawak** | 4. Menghuraikan amalan mengikut kepercayaan serta adat resam yang masih berterusan hingga hari ini.<br><br>**Aras 1**<br><br>1. Menceritakan asal usul nama Sarawak.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Mengisahkan cerita-cerita lagenda tentang asal usul Sarawak.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Membandingkan dan membezakan cerita-cerita lagenda tentang asal usul Sarawak. | Berbangga dengan sejarah negara sendiri. | 1. Menemu bual orang sumber untuk mendapatkan maklumat tentang asal-usul Sarawak.<br><br>2. Membincangkan pentadbiran Sarawak, antara kawasan Pantai Timur, Pantai Barat, Pedalaman dan muara sungai. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **b. Pentadbiran Sarawak**<br><br>i. Kawasan Pesisiran Pantai dikuasai oleh Pengeran Mahkota dibantu oleh tiga orang pembesar tempatan yang bergelar Datu Patinggi, Datu Temenggung dan Datu Bandar.<br><br>ii. Kawasan pedalaman serta muara sungai dikuasai oleh pemimpin tempatan | **Aras 1**<br><br>1. Menyenaraikan kawasan-kawasan pentadbiran di Sarawak.<br><br>2. Menyatakan gelaran pembesar-pembesar tempatan.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Melakar peta dan melorek kawasan pentadbiran di Sarawak.<br><br>2. Melakar peta Sarawak serta menandakan kawasan penguasaan Brunei dan Ketua-Ketua Tempatan. | Berbangga dengan sejarah negara sendiri. | 1. Membincangkan pentadbiran Sarawak antara kawasan Pantai Timur, Pantai Barat, Pedalaman dan muara sungai. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>1. Menceritakan bagaimana Brunei menguasai dan mentadbir kawasan yang dikuasainya. | | |
| **c. Cara hidup**<br><br>i. Kawasan Pesisiran Pantai<br><br>• Bercucuk tanam, mencari hasil laut dan berniaga<br><br>• Mengamalkan kepercayaan dan adat resam yang tersendiri<br><br>• Orang Melayu yang beragama Islam mengamalkan budaya bercirikan Islam | **Aras 1**<br><br>1. Menyenaraikan pekerjaan utama penduduk di kawasan Pesisiran Pantai dan di kawasan pedalaman.<br><br>2. Menerangkan kepentingan dan adat resam masyarakat dalam sejarah awal Sabah.<br><br>3. Menyatakan hasil utama mengikut kawasan-kawasan pentadbiran. | | 1. Mencari dan mencatat maklumat tentang cara hidup masyarakat di kawasan Pesisiran Pantai.<br><br>2. Membincang dan menyenaraikan hasil barangan yang dikeluarkan di kawasan pedalaman dan muara sungai.<br><br>3. Membandingkan dan membezakan cara hidup suku kaum antara dua kawasan di Sarawak. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| ii. Kawasan pedalaman dan muara sungai.<br><br>• Bercucuk tanam, memungut hasil hutan, memburu dan mencari hasil laut<br><br>• Penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum seperti kaum Bidayuh, Iban, Kenyah, Kelabit dan Penan yang mengamalkan adat resam dan kepercayaan yang tersendiri | **Aras 2**<br><br>1. Menerangkan pekerjaan, kepercayaan dan adat resam dalam sejarah awal Sarawak.<br><br>2. Menerangkan pengaruh adat resam Sarawak terhadap masyarakat di kawasan Pantai Barat.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Membandingkan dan membezakan cara hidup masyarakat semasa penguasaan Brunei di kawasan Pesisiran Pantai dan kawasan pedalaman di bawah Ketua-ketua Tempatan. | | |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| | 2. Membuat generalisasi cara hidup masyarakat tempatan di bawah penguasaan Brunei dan Ketua-Ketua Tempatan.<br><br>3. Menghubungkaitkan jenis pekerjaan dengan hasil pendapatan utama penduduk pedalaman dan muara sungai.<br><br>4. Menghuraikan amalan mengikut kepercayaan serta adat resam yang masih berterusan hingga hari ini. | | |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **7.4 Zaman Penjajahan**<br><br>**a. Kedatangan penjajah**<br><br>i. Kuasa-kuasa yang pernah menjajah kita<br>• Portugis<br>• Belanda<br>• Inggeris<br>• Jepun<br><br>ii. Tujuan penjajahan<br>• Perdagangan<br>• Perluasan wilayah<br>• Penyebaran agama<br>• Keperluan bahan mentah | **Aras 1**<br><br>1. Menyenaraikan kuasa-kuasa asing yang pernah menjajah negara kita.<br><br>2. Menyatakan sebab-sebab kedatangan penjajah.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Menghuraikan sebab-sebab kedatangan penjajah.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Membandingkan dan membezakan tujuan kedatangan antara dua daripada empat kuasa penjajah | Menyedari bahawa apa juga bentuk penjajahan pastinya membawa keburukan.<br><br>Menginsafi akan kealpaan mempertahankan negara pastinya menyebabkan kita dijajah. | 1. Berdasarkan peta Malaysia, bincangkan kawasan atau tempat yang dijajahi Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun.<br><br>2. Andaikan anda seorang raja pada zaman Kesultanan Melaka, nyatakan tindakan yang perlu diambil untuk mengelakkan Melaka jatuh ke tangan Portugis.<br><br>3. Berdasarkan rujukan daripada pelbagai sumber, bincang dan laporkan bagaimana penjajahan mengaut dan menggunakan kekayaan dan hasil negara ini untuk kepentingan mereka. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
| --- | --- | --- | --- |
| **b. Kesan penjajahan**<br><br>i. Binaan tinggalan<br><br>• Kota dan kubu seperti A Famosa, Kota Belanda dan Kota Margherita<br><br>• Bangunan seperti Stadhuys, Penang Free School dan Maktab Perguruan Sultan Idris | **Aras 1**<br><br>1. Menamakan binaan tinggalan sejarah.<br><br>2. Menyatakan kesan penjajahan Inggeris terhadap sosial masyarakat Malaysia.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Membandingkan dan membezakan binaan tinggalan penjajahan Portugis dengan penjajahan Inggeris. | Menyedari bahawa penjajahan membangkitkan semangat nasionalis.<br><br>Menyedari bahawa penjajahan memberi kesan buruk kepada sosio-budaya kita. | 1. Menceritakan peristiwa yang berkaitan dengan tempat dan binaan tinggalan penjajahan.<br><br>2. Mengumpul gambar dan maklumat dari pelbagai sumber untuk membuat catatan tentang tempat dan binaan tinggalan penjajah. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| • Jalan kereta api seperti dari Taiping ke Port Weld (Kuala Sepetang) dan Beaufort ke Jesselton (Kota Kinabalu)<br><br>• Jalan raya seperti dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Klang (Port Swettenham), dari Johor Bahru ke Prai dan dari Singapura ke Padang Besar<br><br>ii. Sosial<br><br>• Masyarakat berbilang kaum<br><br>• Bahasa dan tulisan<br><br>• Semangat nasionalis | | | 3. Membina carta bergambar mengenai tempat dan binaan tinggalan penjajah.<br><br>4. Temu bual dengan pihak-pihak tertentu tentang pengaruh penjajah terhadap keadaan sosial di Malaysia. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **c. Penentangan masyarakat tempatan**<br><br>i. Sebab<br><br>• Portugis menindas penduduk tempatan.<br><br>• Belanda mengenakan syarat-syarat perdagangan yang ketat dan tidak adil<br><br>• Inggeris campur tangan dalam adat istiadat orang Melayu dan agama Islam<br><br>• Inggeris merampas hak memungut cukai daripada pembesar tempatan<br>• Jepun bertindak zalim terhadap rakyat tempatan | **Aras 1**<br><br>1. Menjelaskan sebab-sebab penentangan masyarakat tempatan terhadap penjajahan Inggeris.<br><br>2. Menyatakan apakah jenis penindasan Portugis terhadap penduduk tempatan di Melaka.<br><br>3. Menyenaraikan tiga jenis kezaliman tempatan.<br><br>4. Menamakan tokoh-tokoh tempatan yang menentang penjajah.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Menerangkan cara penduduk tempatan menentang penjajah. | Menyedari bahawa penjajahan patut dihalang dan ditentang.<br><br>Menginsafi penderitaan hidup di bawah penjajah.<br><br>Menanamkan semangat kekitaan serta perpaduan.<br><br>Menghargai jasa mereka yang menentang penjajahan.<br><br>Menyedari semua lapisan masyarakat bersatu menentang penjajahan. | 1. Menonton filem bertemakan perjuangan menentang penjajah dan menjawab soalan-soalan berpandu.<br><br>2. Lakonkan satu sketsa mengenai satu peristiwa penentangan pada zaman penjajahan. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| ii. Cara<br>• Serangan bersenjata<br>• Pemberontakan<br>• Pembunuhan residen dan pegaw ai Inggeris<br>• Tunjuk perasaan<br>iii. Tokoh<br>• Golongan istana seperti Sultan Mahmud<br>• Golongan pembesar seperti Datuk Maharajalela, Sharif Masahor dan Datuk Dol Said<br>• Kalangan Pemimpin tempatan seperti Rentap, Banting dan Mat Salleh | 2. Mengkategorikan tokoh-tokoh yang menentang penjajah.<br>**Aras 3**<br>1. Menjelaskan kesan-kesan penjajah terhadap masyarakat kita.<br>2. Membandingkan membezakan perjuangan dan cara penentangan tokoh-tokoh tempatan.<br>3. Menyatakan tindakan yang perlu diambil sekiranya anda seorang pembesar Melaka bagi mengelakkan penjajahan Portugis. | Menanamkan semangat kekitaan serta perpaduan<br>Menghargai jasa mereka yang menentang penjajahan.<br>Menyedari semua lapisan masyarakat bersatu menentang penjajah. | 3. Mengumpul gambar dan membincangkan cara penentangan masyarakat terhadap penjajah.<br>4. Berdasarkan cerita yang diberi, senaraikan cara penentangan terhadap penjajah.<br>5. Menulis tentang peranan dan sumbangan tokoh-tokoh yang menentang penjajah. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| • Kalangan ulama seperti Tok Janggut dan Haji Abdul Rahman Limbung<br><br>**7.5 Kemerdekaan dan Penubuhan Malaysia**<br><br>**a. Semangat kebangsaan**<br><br>i. Peristiwa-peristiwa<br><br>• Pemerintahan Jepun<br><br>• Cadangan penubuhan Malayan Union<br><br>• Keganasan Bintang Tiga | **Aras 1**<br><br>1. Menyatakan peristiwa-peristiwa yang mencetuskan semangat kebangsaan.<br><br>2. Menyatakan tokoh yang terlibat dalam penubuhan UMNO.<br><br>3. Menyatakan tujuan UMNO ditubuhkan.<br><br>4. Menyenaraikan tokoh penting yang terlibat dalam penubuhan parti-parti politik utama. | Menyedari bahawa kita sendirilah yang sepatutnya berjuang mempertahankan hak kita.<br><br>Menanamkan semangat kebangsaan.<br><br>Menghargai peranan dan sumbangan tokoh-tokoh persuratan dan penerbitan. | 1. Membincangkan peristiwa-peristiwa yang mencetuskan semangat kebangsaan.<br><br>2. Menonton filem 'Bukit Kepong' untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang keganasan Bintang Tiga.<br><br>3. Menulis biodata ringkas tentang Dato' Onn bin Jaafar. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| ii. Penubuhan UMNO<br><br>• Diasaskan oleh Dato' Onn Jaafar pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru<br><br>• Menyatupadukan orang Melayu menentang Malayan Union<br><br>iii. Tokoh parti-parti politik daripada UMNO, MCA dan MIC<br><br>iv. Peranan persuratan dan penerbitan | 5. Menyenaraikan tokoh-tokoh persuratan dan penerbitan.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Menceritakan peristiwa-peristiwa yang membangkitkan semangat kebangsaan.<br><br>2. Menerangkan kepentingan tolak ansur sebagai asas pembentukan perlembagaan.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Menjelaskan sebab-sebab penentangan orang-orang Melayu terhadap Malayan Union. | Menghargai jasa tokoh-tokoh negara yang terlibat dalam kemerdekaan Malaysia.<br><br>Menghargai peranan dan sumbangan tokoh-tokoh persuratan dan penerbitan. | 4. Melayari laman web mengenai penubuhan UMNO dan mencatatkan peristiwa-peristiwa penting yang berkaitan.<br><br>http://www.UMNO.net.my/organisasi/sejarah.htm<br><br>5. Mengumpul maklumat tokoh penting yang terlibat dalam parti UMNO, MCA dan MIC.<br><br>6. Menulis peranan dan sumbangan tokoh-tokoh utama UMNO, MCA dan MIC<br><br>7. Membincangkan peranan dan sumbangan tokoh-tokoh persuratan dan penerbitan dalam semangat kebangsaan. |

| TOPIK / SUBTOPIK<br>62 | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **b. Peristiwa**<br><br>i. Kemerdekaan<br><br>• Darurat<br><br>• Penubuhan Parti Perikatan<br><br>• Pilihan raya<br><br>• Perundingan dengan British | 2. Menjelaskan peranan tokoh-tokoh persuratan dan penerbitan dalam memupuk semangat kebangsaan.<br><br>**Aras 1**<br><br>1. Menceritakan peristiwa penting yang berlaku sebelum merdeka.<br><br>2. Menceritakan upacara pengisytiharan kemerdekaan.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Menyusun rentetan peristiwa penting ke arah kemerdekaan. | Menyedari peristiwa ke arah kemerdekaan menyemarakkan semangat kebangsaan. | 1. Membincangkan dan menyusun peristiwa yang berlaku ke arah kemerdekaan.<br><br>2. Mengumpul gambar dan maklumat dari pelbagai sumber tentang peristiwa-peristiwa ke arah kemerdekaan untuk dijadikan buku skrap.<br><br>3. Berdasarkan gambar bersiri, ceritakan tentang peristiwa-peristiwa ke arah kemerdekaan. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| ii. Pengisytiharan kemerdekaan<br><br>• Pengumunan tentang tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman di Bandar Hilir Melaka<br>• Menurunkan bendera Union Jack dan menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu pada 12.00 tengah malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor<br>Perhimpunan raksasa di Stadium Merdeka dan upacara penyerahan perisytiharan kemerdekaan oleh Pesuruhjaya British di Tanah Melayu pada pagi 31 Ogos 1957 | | | 4. Berdasarkan audio, ceritakan tentang peristiwa-peristiwa Pengisytiharan Kemerdekaan.<br><br>5. Melakonkan peristiwa-peristiwa Pengisytiharan Kemerdekaan di Melaka pada 20 Februari 1956 dan di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **c. Pembentukan Malaysia**<br><br>i. Keanggotaan<br><br>• Persekutuan Tanah Melayu<br><br>• Singapura<br><br>• Sabah<br><br>• Sarawak | **Aras 1**<br><br>1. Menamakan negeri-negeri yang menganggotai pembentukan Malaysia.<br><br>2. Menamakan tokoh-tokoh utama negara yang terlibat dalam pembentukan Malaysia. | Menghargai dengan kegigihan tokoh-tokoh negara berusaha menubuhkan Malaysia. | 1. Menamakan dan melabelkan negeri-negeri yang menganggotai pembentukan Malaysia dalam tahun 1963 di peta kosong.<br><br>2. Mencari maklumat tentang tujuan pembentukan Malaysia. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| ii. Tujuan<br><br>• Menyekat pengaruh komunis<br><br>• Melepaskan Sabah dan Sarawak daripada penjajahan Inggeris<br><br>• Keseimbangan penduduk Melayu, bumiputera dengan kaum-kaum lain<br><br>• Usaha pembangunan secara kerjasama<br><br>iii. Tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia<br><br>• Tunku Abdul Rahman<br>• Tun Fuad Stephans<br>• Temenggung Jugah<br>• Lee Kuan Yew | **Aras 2**<br><br>1. Menjelaskan tujuan pembentukan Malaysia.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Menilai sumbangan tokoh-tokoh penting dalam penubuhan Malaysia. | | 3. Berdasarkan pelbagai bahan rujukan, bincangkan pendapat pihak-pihak yang menentang dan menyokong penubuhan Malaysia.<br><br>4. Membincangkan tokoh-tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia serta peranan mereka.<br><br>5. Lawatan ke tempat-tempat yang terdapat sumber maklumat tentang tokoh-tokoh kemerdekaan Malaysia seperti Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Melaka dan Memorial Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **7.6 Warisan Sejarah**<br><br>**a. Pemeliharaan dan pemuliharaan**<br><br>i. Jenis<br><br>• Tempat, bangunan, senjata dan pakaian<br><br>• Bahan bersejarah seperti dokumen, batu bersurat dan artifak<br><br>• Kesenian seperti mempertahankan diri, seni tari, seni muzik, seni ukir dan kraf tangan | **Aras 1**<br><br>1. Menamakan jenis warisan sejarah yang terdapat di negara kita.<br><br>2. Mengelaskan jenis warisan sejarah negara kita.<br><br>3. Menamakan tempat, bangunan dan bahan bersejarah di Malaysia.<br><br>4. Menyatakan jenis-jenis kesenian dan adat resam yang diwarisi dalam kehidupan masyarakat kita.<br><br>5. Menyatakan cara pemeliharaan dan pemuliharaan warisan sejarah. | Menghargai warisan sejarah dan berusaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaannya.<br><br>Menghargai warisan sejarah negara kita.<br><br>Berbangga dengan kekayaan warisan sejarah negara kita. | 1. Mengumpul gambar pelbagai jenis warisan sejarah dan bincangkan tentang keistimewaannya.<br><br>2. Lawatan sambil belajar ke tempat-tempat peninggalan bahan sejarah serta menemu bual orang sumber untuk mendapatkan maklumat.<br><br>3. Membuat laporan ringkas tentang jenis-jenis warisan sejarah yang terdapat di Malaysia.<br><br>4. Menggunakan laman web untuk mendapatkan maklumat tentang usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan sejarah.<br><br>http://www.pht.org.my/frame-introducing.html |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| • Adat resam seperti adat pertabalan dan perkahwinan | **Aras 2**<br><br>1. Menyatakan keperluan warisan sejarah dikekalkan.<br><br>2. Mencadangkan usaha-usaha mengekalkan dan memelihara kebudayaan dan kesenian sebagai warisan negara.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Mengkaji dan merumuskan ciri-ciri sesebuah bangunan diwartakan sebagai warisan sejarah.<br><br>2. Membandingkan dan membezakan kesenian dan adat resam pelbagai kaum di Malaysia dari sudut sejarah. | | 5. Membincang dan menyenaraikan cara-cara untuk mengekalkan warisan sejarah seperti tarian kuda kepang, tarian inang dan pakaian tradisional dalam kehidupan masyarakat kita.<br><br>6. Jika anda dan keluarga anda memiliki bahan warisan sejarah, nyatakan usaha dan tanggungjawab anda untuk memelihara dan memulihara bahan tersebut.<br><br>7. Menghasilkan folio bagi memerlihatkan tindakan pihak-pihak yang terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan warisan sejarah. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| ii. Cara<br>• Pewartaan<br>• Baik pulih<br>• Kawalan<br>• Kajian yang berterusan<br>• Kesedaran dan tindakan masyarakat | 3. Menilai keberkesanan langkah pemeliharaan dan pemuliharaan warisan sejarah. | | 8. Membincangkan tugas dan peranan kurator muzium dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan sejarah seperti bangunan dan bahan-bahan sejarah. |

# TOPIK 8 : MASYARAKAT MALAYSIA

Melalui topik ini, murid dapat mengenali masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Bidayuh, Bajau, Melanau dan Murut serta keunikan mereka dapat hidup bersama dalam keadaan harmoni.

Murid juga diberi pendedahan kepada kepelbagaian agama dan kepercayaan, tempat-tempat beribadat serta hari perayaan dan kebesaran penduduk Malaysia. Aspek kebudayaan dan kesenian seperti tokoh-tokoh seni juga dikaji dalam topik ini.

Dengan mempelajari topik ini, sikap hormat-menghormati serta rasa bangga sebagai rakyat Malaysia dapat dipupuk di kalangan murid.

**TOPIK 8 : MASYARAKAT MALAYSIA**

**OBJEKTIF :**

1. Mengenali masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan kepercayaan.
2. Memahami taburan penduduk dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.
3. Menyedari keunikan masyarakat negara kita.
4. Mengetahui dan menghargai kesenian negara seperti permainan tradisional, pakaian tradisional, makanan tradisional dan seni mempertahankan diri.
5. Memupuk sikap hormat-menghormati dan semangat kerjasama antara satu sama lain ke arah pembentukan masyarakat yang harmoni.

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **8. MASYARAKAT MALAYSIA**<br><br>**8.1 Penduduk**<br><br>**a. Komposisi dan taburan**<br><br>i. Kepelbagaian kaum<br>• Penduduk Semenanjung Malaysia terdiri daripada Melayu, | **Aras 1**<br><br>1. Menyatakan komposisi kaum di Malaysia.<br><br>2. Menamakan kaum-kaum di Malaysia. | Berbangga dengan keharmonian masyarakat berbilang kaum. | 1. Membincang dan menyenaraikan komposisi penduduk yang terdapat di negara kita dari pelbagai sumber. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| Cina, India, Orang Asli dan keturunan lain<br><br>• Penduduk di Sabah terdiri daripada Kadazan, Bajau, Murut, Melayu, Cina, India dan kaum lain<br><br>• Penduduk di Sarawak terdiri daripada Iban, Melanau, Bidayuh, Kayan, Melayu, Cina India dan kaum lain | 3. Menyatakan taburan penduduk di Malaysia.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Menjelaskan kepadatan penduduk di Malaysia.<br><br>2. Membandingkan pola petempatan di bandar dan di luar bandar.<br><br>3. Menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk. | Berbangga dan bersyukur kerana kita dilahirkan dan menjadi warganegara Malaysia. | 2. Membandingkan dan membincangkan kawasan-kawasan kepadatan penduduk di Malaysia.<br><br>3. Mengenal pasti dan membincangkan kawasan-kawasan yang padat, sederhana dan jarang berdasarkan peta taburan penduduk Malaysia. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| ii. Kepadatan penduduk<br>• Padat<br>• Sederhana padat<br>• Jarang | **Aras 3**<br>1. Menghuraikan pola petempatan penduduk.<br>2. Membandingkan dan membezakan taburan penduduk di beberapa buah negeri. | | |
| **b. Faktor yang mempengaruhi perubahan penduduk**<br>i. Kelahiran dan kematian<br>ii. Penghijrahan<br>• Pekerjaan<br>• Pendidikan<br>• Perkahwinan | **Aras 1**<br>1. Menyatakan faktor yang mempengaruhi perubahan penduduk.<br>2. Menerangkan faktor yang mempengaruhi penghijrahan penduduk.<br>3. Menyenaraikan dasar kerajaan yang mempengaruhi perubahan penduduk. | Bersyukur dengan peningkatan hidup yang berkualiti. | 1. Berdasarkan carta atau graf yang menunjukkan perubahan bilangan penduduk di satu tempat, bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan tersebut.<br>2. Sumbang saran tentang kesan yang berlaku akibat penghijrahan penduduk. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| iii. Dasar kerajaan<br><br>• Pembukaan kawasan baru<br><br>• Penempatan semula | **Aras 2**<br><br>1. Membandingkan dan membezakan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan penduduk antara beberapa buah negeri.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Merumuskan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan penduduk berdasarkan peta topografi satu kawasan penempatan padat. | | |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **8.2 Agama dan kepercayaan**<br><br>**a. Kepelbagaian agama dan kepercayaan**<br><br>i. Amalan dan kepercayaan<br><br>ii. Tempat beribadat<br><br>iii. Hari kebesaran dan perayaan | **Aras 1**<br><br>1. Menyatakan pelbagai agama dan kepercayaan rakyat Malaysia.<br><br>2. Menyenaraikan hari kebesaran dan perayaan di negara kita.<br><br>3. Menyenaraikan tempat-tempat beribadat mengikut agama dan kepercayaan.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Menceritakan sambutan agama dan kepercayaan rakyat Malaysia.<br><br>2. Membandingkan dan membezakan sambutan perayaan antara kaum mengikut agama dan kepercayaan | Hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira agama dan kepercayaan.<br><br>Menghormati cara masyarakat menyambut pelbagai hari kebesaran dan perayaan.<br><br>Mengamalkan semangat muhibah dan harmoni semasa menyambut hari-hari kebesaran dan perayaan. | 1. Menyatakan jenis-jenis agama, kepercayaan, hari kebesaran dan perayaan di Malaysia berdasarkan pengalaman atau maklumat dari pelbagai sumber.<br><br>2. Menceritakan pengalaman menyambut hari kebesaran dan perayaan mengikut agama dan kepercayaan masing-masing. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| | 2. Membandingkan dan membezakan sambutan perayaan antara kaum mengikut agama dan kepercayaan.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Membandingkan dan membezakan cara sesuatu perayaan yang sama di rayakan di Malaysia dan di negara-negara lain. | | 3. Menyesuaikan gambar-gambar tempat ibadat dengan jenis agama dan kepercayaan yang terdapat di Malaysia.<br><br>4. Memadankan gambar-gambar dengan maklumat tentang tempat beribadat di Malaysia.<br><br>5. Mendapatkan maklumat daripada laman w eb tentang perayaan dan hari kebesaran pelbagai kaum di Malaysia dan bangsa-bangsa lain di dunia. Bandingkan keistimew aannya. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| **8.3 Kebudayaan dan kesenian**<br><br>**a. Cara hidup**<br><br>i. Permainan<br><br>ii. Pakaian<br><br>iii. Makanan<br><br>iv. Muzik dan tarian<br><br>v. Seni mempertahankan diri | **Aras 1**<br><br>1. Menyatakan cara hidup masyarakat Malaysia yang mengamalkan pelbagai kebudayaan dan kesenian.<br><br>2. Menyenaraikan permainan tradisional mengikut kaum-kaum di Malaysia.<br><br>3. Menamakan pakaian tradisional masyarakat Malaysia.<br><br>4. Menyenaraikan makanan masyarakat Malaysia.<br><br>5. Menamakan seni mempertahankan diri.<br><br>6. Menamakan jenis muzik dan tarian tradisional masyarakat Malaysia. | Berbangga menjadi rakyat Malaysia yang dapat hidup bersama melalui aktiviti rekreasi, sukan dan kebudayaan. | 1. Mencari maklumat tentang cara-cara bermain sesuatu permainan.<br><br>http://w w w .pnm.my/ malaysiana/03/03pengenalan. htm<br><br>http://google.yahoo.com/bin/ queryo?p=permainan+ tradisi&=site.w w w .pnm.my<br><br>ttp://w w w .mzm.sabah.gov.my/ bm/kenalimuziumanda/ sukantradisi.htm<br><br>2. Membincangkan dan menyenaraikan jenis pakaian mengikut kaum.<br><br>3. Menyenaraikan beberapa jenis makanan tradisional masyarakat Malaysia. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>1. Menerangkan cara beberapa jenis permainan tradisional masyarakat Malaysia dimainkan.<br><br>2. Menghuraikan jenis makanan tradisional semasa perayaan pelbagai kaum.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Membandingkan dan membezakan adat resam yang berhubung kait dengan pelbagai aspek kesenian di kalangan rakyat Malaysia. | | 4. Mengumpul maklumat dan gambar-gambar tentang kesenian mempertahankan diri.<br><br>5. Membuat buku sumber yang mengandungi maklumat tentang pelbagai jenis tarian negara untuk dijadikan bahan rujukan. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| | 2. Mencadangkan usaha-usaha mengekalkan dan memelihara kebudayaan dan kesenian sebagai warisan bangsa. | | |
| **8.4 Perpaduan**<br><br>**a. Kegiatan sosial dan kebajikan**<br><br>i. Kegiatan gotong-royong melibatkan pelbagai kaum<br><br>ii. Kunjung-mengunjung di kalangan pelbagai kaum<br><br>iii. Sumbangan masyarakat ke arah perpaduan masyarakat | **Aras 1**<br><br>1. Menyenaraikan cara mengeratkan perhubungan dan persaudaraan antara kaum.<br><br>2. Menyatakan agensi kerajaan dan badan sukarela yang bertanggungjawab membantu memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. | Berbangga dengan amalan keharmonian yang dihayati oleh masyarakat Malaysia. | 1. Secara kumpulan, senaraikan nama majlis atau perjumpaan sosial pelbagai kaum dan bincangkan keadaan majlis tersebut.<br><br>2. Mengumpulkan maklumat dari pelbagai sumber dan berbincang tentang aktiviti kebajikan sosial dan sumbangan masyarakat ke arah perpaduan. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>1. Menerangkan peranan yang dimainkan oleh badan sukarela dalam memupuk semangat perpaduan.<br><br>2. Menghuraikan faktor-faktor yang dapat memupuk perpaduan di kalangan masyarakat kita.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Membuat ramalan jika rakyat Malaysia tidak mahu terlibat dalam sebarang aktiviti sosial dan kebajikan. | | |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI / SUMBER |
|---|---|---|---|
| | 2. Merancang program dan aktiviti mengukuhkan perhubungan dan setia kawan dalam masyarakat majmuk. | | |
| **b. Penyertaan pelbagai kaum dalam aktiviti permainan, kesenian dan rekreasi**<br>i. Sukan rakyat<br>ii. Tarian<br>iii. Kembara | **Aras 1**<br>1. Menyatakan maksud sukan rakyat.<br>2. Menyenaraikan lima jenis aktiviti sukan dalam sukan rakyat.<br>**Aras 2**<br>1. Menyatakan cara masyarakat menyertai aktiviti permainan, kesenian dan rekreasi. | Menyedari aktiviti rekreasi memupuk perpaduan. | 1. Menyenaraikan dan membincangkan cara kokurikulum dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan murid.<br>2. Menonton tayangan video tentang sukan rakyat dan membincangkan faedah-faedah yang diperoleh bagi memupuk perpaduan rakyat. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| | 2. Menghuraikan bagaimana sukan rakyat dapat memupuk semangat perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Membuat rancangan mengadakan aktiviti kembara bertujuan memupuk perpaduan di kalangan masyarakat. | Menyedari aktiviti rekreasi memupuk perpaduan. | |
| **c. Sistem pendidikan**<br><br>i. Peluang belajar yang sama untuk semua kaum<br><br>ii. Ciri-ciri pendidikan di negara kita yang memupuk perpaduan melalui kurikulum, kokurikulum yang sama dan pakaian seragam sekolah | **Aras 1**<br><br>1. Menerangkan ciri-ciri perpaduan dalam sistem pendidikan negara kita.<br><br>2. Menyatakan pentingnya murid terlibat dalam aktiviti kokurikulum. | | 1. Membincangkan ciri-ciri pendidikan yang dilaksanakan di negara kita berdasarkan pemerhatian dan pengamatan di sekolah. |

| TOPIK / SUBTOPIK | HASIL PEMBELAJARAN | UNSUR PATRIOTISME | CONTOH AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>1. Menghuraikan ciri-ciri sistem pendidikan negara yang mengukuhkan perpaduan. | Bersyukur dan berbangga dengan sistem pendidikan negara yang mengutamakan perpaduan dan pembangunan. | 2. Mendapatkan maklumat daripada orang sumber tentang pendidikan ke arah pemupukan perpaduan. |
| **d. Undang-undang dan peraturan**<br><br>i. Tujuan pengubalan undang-undang<br><br>• Hak individu dan hak semua kaum<br><br>• Keharmonian dan ketenteraman masyarakat<br><br>• Disiplin dan tatasusila | **Aras 1**<br><br>1. Menyatakan tujuan penggubalan undang-undang dan peraturan di Malaysia.<br><br>**Aras 2**<br><br>1. Undang-undang dan peraturan yang digubal boleh menjamin perpaduan.<br><br>**Aras 3**<br><br>1. Meramalkan kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak mematuhi undang-undang dan peraturan. | Menyedari perlunya mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.<br><br>Mengamalkan perlakuan yang sopan dan bertatasusila.<br><br>Menyedari bahawa perpaduan menjamin kesejahteraan hidup. | 1. Menyenaraikan beberapa peraturan dan aktiviti yang boleh dijalankan di sesebuah sekolah yang muridnya terdiri daripada pelbagai kaum bagi memupuk perpaduan.<br><br>2. Membincang kesan dan akibat jika sesebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum tidak mempunyai peraturan dan undang-undang untuk melindungi hak sesuatu kaum. |